

# Ada pihak sebar khabar angin

Oleh Ebi Azly Abdullah dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

BH 26 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengakui ada pihak tertentu sengaja menyebarkan khabar angin mengaitkan hasratnya meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan dengan masalah perniagaan anak lelakinya.

Katanya, beliau sudah pun memaklumkan kepada Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu yang beliau berasa terganggu dengan khabar angin sedemikian.

“Saya memberitahu Dr Mahathir yang saya tidak patut menjadi seorang menteri jika saya dilihat sebagai memegang jawatan itu hanya untuk melindungi anak saya,” katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Men-

teri berkata, wujud pelbagai khabar angin mengenai hal keluarga Dr Ling sehingga membuatkan beliau terganggu.

Anak lelaki Dr Ling, Ling Hee Liong, seorang ahli perniagaan terkemuka tetapi khabar angin mengatakan yang beliau menghadapi masalah kewangan sejak kegawatan ekonomi.

Sejak Dr Ling mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan pada Isnin lalu, pelbagai spekulasi dan khabar angin tersebar termasuk ahli perniagaan Datuk Soh Chee Wen yang dikatakan ingin menyingkirkan beliau.

Soh yang juga pernah memegang jawatan penting dalam MCA Selangor dan teman rapat Dr Ling, menghilangkan diri sejak April lalu apabila namanya di-

kaitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dalam kes penipuan Omega Securities Sdn Bhd.

Selasa lalu, sekumpulan wartawan berkejar ke rumah Dr Ling apabila mendengar khabar angin mengatakan Soh sudah ditangkap di luar negara dan SC juga mempunyai waran tangkap terhadap Dr Ling dan anaknya.

“Pada malam itu, ramai wartawan datang ke rumah saya, ia amat menyedihkan. Kami (saya dan keluarga) tidak tahu tujuan wartawan itu. Kami cuma tahu tujuan sebenar mereka kemudian, pastinya untuk melihat saya...,” katanya sambil mengayakan tangan yang digari.

Ditanya sama ada beliau sedih dengan khabar angin seperti itu, Dr Ling berkata, itu menjadi perkara biasa baginya.

“Hanya pemikiran yang jahat akan membuat dakwaan yang jahat seperti itu,” katanya.

Bagaimanapun, beliau melahirkan rasa gembira selepas Badan Pencegah Rasuah (BPR) menolak segala khabar angin itu semalam.

“Awak (wartawan) patut pergi ke polis dan dapatkan jawapan. Jika awak tanya saya, saya bukannya polis, saya bukannya BPR. Tanya pihak berkuasa dan dapatkan jawapan yang tepat,” katanya.

Sementara itu, Dr Ling yang ditemui pemberita petang ini selepas menerima rombongan dari MCA Bahagian Labis, Johor di pejabatnya berkata, beliau tidak dapat memastikan tarikh beliau mula bercuti.

“Saya baru serahkan ho-

rang cuti saya kepada Perdana Menteri pagi tadi. Tunggulah...,” katanya.

Semalam, Dr Ling mengumumkan yang beliau akan bercuti selama dua minggu dan akan membuat keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya sekembali daripada bercuti.

Bagaimanapun, beliau akan meneruskan tugas sebagai Presiden MCA, dan akan merasmikan Konvensyen MCA Kelantan dan Terengganu di dua negeri itu. csdh.